



NACP & OACP: KEPERLUAN MERANGKA PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI

PPj Sarimah binti Sulaiman
Bahagian Pemeriksaan dan Perundingan,
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

KANDUNGAN

- ❑ LATARBELAKANG
- ❑ PELAN ANTIRASUAH NASIONAL (NACP)
- ❑ PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI (OACP)
- ❑ KEPENTINGAN MEMBANGUNKAN OACP
- ❑ PROSES PEMBANGUNAN OACP
- ❑ STRUKTUR PEMANTAUAN OACP
- ❑ KHIDMAT SPRM BERHUBUNG PEMBANGUNAN OACP
- ❑ IMPLIKASI & RUMUSAN


LATAR BELAKANG

PELAN ANTIRASUAH NASIONAL / NATIONAL ANTI-CORRUPTION PLAN (NACP)

- Dirangka oleh Pusat Governans, telah dilancarkan dengan rasminya pada 29 Januari 2019 oleh YAB Tun Dr. Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri Malaysia dengan matlamat untuk mewujudkan negara bebas rasuah.
- Merupakan dasar antirasuah yang mencerminkan harapan tinggi rakyat untuk negara bebas rasuah yang mengamalkan ketelusan, kebertanggungjawaban dan integriti.
- Ia menjadi rujukan utama selain bertindak sebagai panduan bagi semua agensi Kerajaan dan entiti berkaitan dalam membangunkan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) masing-masing. OACP ini perlu meliputi isu-isu dalam organisasi berkaitan kelemahan integriti, tadbir urus dan antirasuah yang harus ditangani.


- GIACC telah diberi mandat untuk membangunkan satu Pelan Antirasuah Nasional / perlu digubal dalam usaha pemantap National Anti-Corruption Plan (NACP) dan sistem pengurusan pentadbiran Kerajaan mengenai governans, integriti dan antirasuah.
- Pembangunan pelan tersebut telah dipersetujui semasa Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Keutuhan Pengurusan Kerajaan (JKKMKPK) Siri 70 [Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti-Rasuah (JKKMAR) Siri 1] Bil. 1 Tahun 2018 pada 8 Jun 2018.
- Pelan ini menggantikan Pelan Integriti Nasional (PIN).

EPISOD PENCEGAHAN RASUAH DI MALAYSIA



ARAHAN YAB PERDANA MENTERI SIRI 2 NO 1 TAHUN 2019 – PELAKSANAAN PELAN ANTIRASUAH NASIONAL

Bertujuan untuk memberi panduan jelas kepada semua kementerian, jabatan dan agensi awam termasuk mana-mana entiti berkaitan kerajaan, tentang keperluan, peranan dan tanggungjawab masing-masing dalam memastikan NACP dan agenda pencegahan rasuah organisasi dilaksanakan dengan sempurna.



PELAN ANTIRASUAH NASIONAL (NACP)

OBJEKTIF NACP

- ❑ Menyediakan halatuju dan kerangka tindakan pencegahan rasuah yang berstruktur dan jelas;
- ❑ Mewujudkan sinergi antara pelbagai agensi dalam memaksimakan penggunaan pelbagai sumber dan idea dalam tindakan pemantapan integriti, tadbir urus dan antirasuah;
- ❑ Meningkatkan integriti, akauntabiliti dan ketelusan dalam proses pentadbiran kerajaan sekaligus mengurangkan amalan rasuah, penyelewengan dan salahguna kuasa; dan
- ❑ Meningkatkan imej negara sebagai sebuah negara yang bebas rasuah dan berintegriti

KERANGKA NACP

Kerangka Pelan Antirasuah Nasional	VISI	Ke Arah Negara Bebas Rasuah				
	MISI	Menegakkan Kedaulatan Undang-Undang	Meningkatkan Kecekapan, Ketelusan dan Akauntabiliti Kerajaan Berasaskan Tadbir Urus Baik	Mewujudkan Persekutuan Perniagaan Yang Bersih		
	MATLAMAT	Akauntabiliti dan Kredibiliti Kehakiman, Pendakwaan dan Agensi Pengawas Undang-undang	Kecekapan dan Responsif dalam Penyampaian Perkhidmatan	Integriti dalam Perniagaan		
	BIDANG KEUTAMAAN	Tadbir Urus Politik 	Sektor Pentadbiran Awam 	Perolehan Awam 	Perundangan dan Kehakiman 	Penguasaan Undang-Undang 
	STRATEGI	Memperkuuh Akauntabiliti dan Integriti Politik	Memperkuuh Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan Awam	Mempertingkat Keberkesanan dan Ketelusan Perolehan awam	Mempertingkat Kredibiliti Sistem Perundangan dan Kehakiman	Menginstitusikan Kredibiliti Agensi Pengawas Undang-Undang

BIDANG KEUTAMAAN NACP



PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI (OACP)

PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI (OACP)

- ❑ Bertujuan untuk menangani permasalahan dan kelemahan governans, integriti dan antirasuah dalam organisasi. Pembangunan OACP adalah salah satu inisiatif **MANDATORI** (Rujuk: Arahan YAB PM No.1 Tahun 2018, Siri 2 No.1 Tahun 2019- Perkara 6.1.2) di bawah:-
- ❑ “Strategi 2 : Memperkuuhkan Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan Awam”
- ❑ “Strategi 6 : Memupuk Tadbir Urus Baik Dalam Entiti Korporat Di Dalam NACP.”

Strategi 2 : Memperkuuhkan Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan Awam

Strategi 2.1.5 mewajibkan sektor awam untuk membangunkan OACP dengan dibantu tiga (3) agensi iaitu SPRM, GIACC dan IIM.

Dalam tempoh 5 tahun
(Januari 2019-Disember 2023)

Strategi 6 : Memupuk Tadbir Urus Baik Dalam Entiti Korporat Di Dalam NACP

Strategi 6.2.1 mewajibkan Badan Berkanun, Syarikat Milik Kerajaan (SOEs), Syarikat Terhad dengan Jaminan (CLBG) dan Sektor Swasta yang dikawal selia oleh badan kawal selia untuk membangunkan OACP dengan dibantu oleh SPRM, GIACC dan IIM.

Dalam tempoh 2 tahun
(Januari 2019-Disember 2020)

TANGGUNGJAWAB ORGANISASI

- ❑ Setiap kementerian, jabatan, agensi dan kerajaan negeri hendaklah membangunkan OACP di peringkat organisasi masing-masing berkuatkuasa daripada tarikh NACP dan Arahan YAB Perdana Menteri Siri 2 No. 1 Tahun 2019 – Pelaksanaan Pelan Antirasuah Nasional dikeluarkan.
- ❑ OACP hendaklah dibangunkan dengan mendapatkan khidmat daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan juga Institut Integriti Malaysia. Ruang lingkup pelaksanaan OACP hendaklah merangkumi aspek governans, integriti dan antirasuah dalam organisasi serta melibatkan semua bidang dan aktiviti yang ada di dalam organisasi.

- ❑ Penyelarasan pembangunan dan pelaksanaan OACP hendaklah dipertanggungjawabkan kepada Ketua Jabatan dengan diselaraskan oleh Unit Integriti kementerian, jabatan atau agensi (jika ada) atau mana-mana bahagian, cawangan atau unit yang mengendalikan aspek governans, integriti dan antirasuah.
- ❑ OACP hendaklah dirangka dengan mengambilkira pelan bagi jangkamasa tiga (3) tahun atau lima (5) tahun dan tidak semestinya perlu seiring dengan tempoh pelaksanaan NACP.

KEPENTINGAN MEMBANGUNKAN OACP

KEPERLUAN MEMBANGUNKAN OACP

- Kepentingan kepada organisasi yang bertujuan untuk menangani permasalahan dan kelemahan governans, integriti dan antirasuah dalam organisasi.
- Mematuhi arahan YAB Perdana Menteri No.1 Tahun 2018 Siri 2 No.1 Tahun 2019.
- Melaksanakan dasar kerajaan melalui inisiatif 2.1.5 yang mewajibkan pelaksanaan Pelan Antirasuah Nasional (NACP) di sektor awam dan sektor swasta di bawah inisiatif 6.2.1.
- Mempersiapkan organisasi komersial supaya mempunyai tatacara mencukupi selaras dengan peruntukan seksyen 17A ASPRM 2009.
- Memastikan pembangunan organisasi yang lestari dan bebas rasuah dengan

KELEBIHAN OACP

- Memperkasakan sistem penyampaian perkhidmatan awam serta keberkesanannya.
- Membantu organisasi dan pemegang taruh dalam pembangunan OACP bagi mengenalpasti isu integriti, governans dan antirasuah.
- Memerangi rasuah di peringkat organisasi selaras dengan dasar baru yang diperkenalkan kerajaan melalui Pelan Antirasuah Nasional (NACP)
- Menyediakan satu platform yang sistematik dalam menangani isu rasuah dengan mekanisma pelaporan kepada pengurusan tertinggi organisasi secara berkala.
- Mempamerkan komitmen pengurusan tertinggi organisasi dalam usaha pencegahan rasuah.

PROSES PEMBANGUNAN OACP

PROSES PEMBANGUNAN OACP




PROSES PEMBANGUNAN OACP



PERANAN KETUA JABATAN / PENGURUSAN TERTINGGI



JAWATANKUASA ANTIRASUAH PERINGKAT KEMENTERIAN




Peranan JAR Kementerian:

- Mengenal pasti isu, masalah dan langkah-langkah penambahbaikan berdasarkan empat terma rujukan yang telah ditetapkan; dan
- Mencadangkan langkah-langkah penyelesaian dan cadangan penambahbaikan kepada JAR Peringkat Kebangsaan.

Nota:


Laporan Pencapaian Pelaksanaan OACP dibentangkan dalam Mesuarat JAR peringkat kementerian, jabatan, agensi atau kerajaan negeri untuk pertimbangan dan keputusan.

JAWATANKUASA PEMBANGUNAN OACP PERINGKAT KEMENTERIAN




JAWATANKUASA PEMBANGUNAN OACP

PERINGKAT JABATAN/AGENSI



CADANGAN JAWATANKUASA PEMBANGUNAN OACP




- Keanggotaan: sekurang-kurangnya **Pegawai Kanan** yang mempunyai pengetahuan dan pengalaman dalam aspek governans, integriti dan antirasuah.
- AJK terdiri daripada wakil bahagian / cawangan / unit di agensi.
- Urusetia adalah dari Unit Integriti

PERANAN JAWATANKUASA PEMBANGUNAN OACP



STRUKTUR PEMANTAUAN OACP



STRUKTUR DAN MEKANISME PEMANTAUAN OACP

Melibatkan penubuhan jawatankuasa **peringkat kebangsaan** iaitu:

- Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti-Rasuah (JKKMAR);
dan
- Jawatankuasa Anti-Rasuah Peringkat Kebangsaan (JAR)

Serta pembentukan jawatankuasa **peringkat Kementerian / Jabatan / Agensi Persekutuan dan Kerajaan Negeri** iaitu:

- JAR Peringkat Kementerian / Jabatan / Agensi Persekutuan; dan
- JAR Peringkat Kerajaan Negeri

KHIDMAT SPRM BERHUBUNG PEMBANGUNAN OACP

MODUL PEMBANGUNAN PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI (OACP) SPRM

SINOPSIS

Bengkel ini bertujuan memberikan pendedahan dan pemahaman kepada peserta tentang keperluan menyedia, membangun dan melaksanakan Pelan Antirasauh Organisasi (OACP). Penekanan diberikan kepada Proses Pembangunan OACP yang meliputi beberapa tajuk iaitu Pembentukan Jawatankuasa dan Analisis Data, Pelaksanaan Perancangan Senario Rasuah, Pelan Tindakan dan Kaedah Monitoring and Evaluation (M&E) serta Penyediaan Kerangka OACP.

OBJEKTIF

1. Memberi pendedahan dan pemahaman tentang keperluan untuk merangka OACP di organisasi;
2. Memberi pemahaman dan pengetahuan kepada peserta berhubung langkah-langkah dalam membangunkan OACP;
3. Memberi pemahaman dan pengetahuan kepada peserta untuk menganalisis data, menilai risiko rasuah dan melaksanakan perancangan senario untuk membangunkan OACP;
4. Melengkapkan peserta dengan pengetahuan dan kemahiran untuk membangunkan OACP setelah bengkel tamat.

HASIL PEMBELAJARAN

Selepas mengikuti bengkel ini, peserta seharusnya:

1. Memahami keperluan OACP dibangunkan;
2. Mampu mengenalpasti dan membezakan jenis-jenis data yang bersesuaian untuk membangunkan OACP;
3. Mampu mengenalpasti senario rasuah organisasi ;
4. Boleh mengenalpasti proses-proses dan kaedah-kaedah bersesuaian dalam membangunkan OACP;
5. Boleh menyediakan pelan tindakan dan mengenalpasti kaedah pemantauan dan penilaian (M&E);
6. Boleh menyediakan kerangka OACP.

JADUAL BENGKEL PEMBANGUNAN OACP

HARI MASA	0830 - 0930	0930 - 1030	1030 - 1100	1100 - 1200	1200 - 1300	1300 - 1430	1430 - 1530	1530 - 1630
Hari Pertama	SUBMODUL 1 NACP & OACP: Keperluan Merangka Pelan Antirasuah Organisasi	SUBMODUL 2 Pencegahan Rasuah: Undang-Undang dan Kawalan Dalaman	Minum pagi	SUBMODUL 3 Proses Pembangunan OACP- Pembentukan Jawatankuasa dan Analisis Data			Latih Amal: Analisis Data	
Hari Kedua	SUBMODUL 4 Proses Pembangunan OACP- Penilaian Risiko Rasuah (CRA)	Latih Amal: Penilaian Risiko Rasuah (CRA)		Latih Amal: Penilaian Risiko Rasuah (CRA)		Makan Tengahari	SUBMODUL 5 Proses Pembangunan OACP- Pelaksanaan Perancangan Senario Rasuah	SUBMODUL 6 Proses Pembangunan OACP- Pelan Tindakan dan Kaedah M&E
Hari Ketiga	SUBMODUL 7 Proses Pembangunan OACP- Penyediaan Templat OACP	Latih Amal: Penyediaan Templat OACP		Latih Amal: Penyediaan Templat OACP	Pembentangan Kerangka OACP dan Ulasan SPRM			

8 jam sesi ceramah

7 jam latih amal

1 jam sesi pembentangan

JADUAL BENGKEL PEMBANGUNAN OACP & CRM

HARI \ MASA	0830 - 0930	0930 - 1030	1030 - 1100	1100 -1200	1200-1300	1300 - 1430	1430 -1530	1530 - 1630					
Hari Pertama	SUBMODUL 1 NACP & OACP: Keperluan Merangka Pelan Antirasuah Organisasi	SUBMODUL 2 Pencegahan Rasuah: Undang-Undang Dan Kawalan Dalaman	Minum pagi	SUBMODUL 3 Proses Pembangunan OACP- Pembentukan Jawatankuasa dan Analisis Data			Latih Amal: Analisis Data						
	SUBMODUL 4 Penilaian Risiko Rasuah Melalui <i>Corruption Risk Management</i> (CRM)			Latih Amal : Penilaian Risiko Rasuah (CRA)		Makan Tengahari							
Hari Ketiga	SUBMODUL 5 Proses Pembangunan OACP- Pelaksanaan Perancangan Senario Rasuah	SUBMODUL 6 Proses Pembangunan OACP- Pelan Tindakan dan Kaedah M&E	Latih Amal: Pelan Tindakan dan Kaedah M&E	SUBMODUL 7 Proses Pembangunan OACP- Penyediaan Templat OACP	Latih Amal: Penyediaan Templat OACP								
Hari Keempat	Latih Amal: Penyediaan Templat OACP			Pembentangan Templat OACP dan Ulasan SPRM									

9 jam sesi ceramah

11 jam latih amal

2 jam sesi pembentangan

CADANGAN GANTT CHART BAGI PROSES PEMBANGUNAN, PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI (OACP)

WBS	TASK	LEAD	START	END	DAYS	% DONE	WORK DAYS	Bulan Pertama	Bulan Kedua	Bulan Ketiga	Bulan Keempat	Bulan Kelima	Bulan Keenam	Bulan Ketujuh	Bulan Kelapan	Bulan Kelapan	Bulan Kelapan	Bulan Kelapan
								M1 M1 M2 M3 M4	M1 M2 M3 M4									
1	DAPATKAN KELULUSAN KETUA JABATAN DAN PELAKSANAAN BERMULA	UI		-		-												
2	ANALISIS DATA (SOFT, HARD & LITERATURE REVIEW)	JPOA		-		-												
3	TENTUKAN KONTEKS/ ISU RASUAH	JPOA		-		-												
4	KENALPASTI RISIKO RASUAH / MORAL	JPOA		-		-												
5	PENENTUAN BIDANG KEUTAMAAN	JPOA		-		-												
6	PELAKSANAAN PERANCANGAN SENARIO RASUAH	JPOA		-		-												
7	PENULISAN DAN PENYEDIAAN OACP	JPOA		-		-												
8	PENGESAHAN DAN KELULUSAN PENGURUSAN TERTINGGI	JPOA		-		-												
10	PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN OACP	JPOA		-		-												Berterusan 3 atau 5 tahun
11	SEMAKAN SEMULA DAN PEMBAHARUAN OACP	UI		-		-												Disemak setiap tahun dan pembaharuan selepas 3 atau 5 tahun

UI - Unit Integriti Agensi


JPOA - Jawatankuasa Pembangunan OACP Agensi

Pelaporan Perkembangan Pembangunan OACP kepada Pengurusan Tertinggi hendaklah dilaksanakan setiap bulan dan pelaporan kepada JAR adalah setiap 3 bulan

IMPLIKASI

IMPLIKASI

- ❑ Organisasi gagal mematuhi dasar kerajaan.
- ❑ Organisasi tidak selari dengan dasar, undang-undang dan peraturan pencegahan rasuah.
- ❑ Usaha pencegahan rasuah tidak sistematik dan ketiadaan kebertanggungjawaban dalam menangani isu rasuah di sesuatu organasasi.
- ❑ Punca rasuah tidak dapat dikesan di setiap peringkat menyebabkan rasuah tidak berjaya ditangani secara berkesan.



“ INTEGRITY, TRANSPARENCY AND
THE FIGHT AGAINST CORRUPTION
HAVE TO BE PART OF THE CULTURE.
THEY HAVE TO BE THOUGHT
AS FUNDAMENTAL VALUES.

Angel Gurria,
OECD Secretary General

 **TRANSPARENCY
INTERNATIONAL**
the global coalition against corruption

Photo: WEF / Christian Clavadetscher

RUMUSAN

RUMUSAN

- ❑ Melalui NACP dan pelaksanaan OACP, usaha pencegahan rasuah dapat dilaksanakan dengan lebih berstruktur, komprehensif, inklusif dan holistik.
- ❑ Organisasi dapat melaksanakan usaha-usaha pencegahan rasuah secara berterusan melalui pemantauan, penilaian dan penambahbaikan ke atas OACP supaya kekal relevan dengan perubahan semasa dan keperluan strategik negara.

Jika perlukan maklumat lanjut



oACP@SPRM.GOV.MY



03-88700036



www.SPRM.GOV.MY



SEKIAN, TERIMA KASIH